

# Rentas negeri hanya untuk individu lengkap vaksin

UM-11/10/2021 m/s:3

Oleh MAISARAH SHEIKH  
RAHIM dan JUANI MUNIR  
ABU BAKAR

utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Hanya individu lengkap divaksin dibenarkan merentas negeri dan pemeriksaan secara rawak akan dilakukan untuk mengesan mereka yang melanggar arahan tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Ismail Sabri Yaakob berkata, mana-mana individu yang tidak lengkap dua dos vaksin atau tiada langsung divaksin tidak dibenarkan merentas negeri termasuk ke luar negara.

Menurut beliau, pemeriksaan boleh dilakukan menerusi semakan sijil vaksinasi di aplikasi MySejahtera individu berkenaan.

“Walaupun tiada sekatan jalan raya (SJR) khususnya untuk

menyekat pergerakan rentas negeri, tetapi polis boleh melakukan pemeriksaan secara rawak di mana-mana sahaja, mungkin di hentian rehat dan rawat (R&R),” kata beliau pada sidang media khas semalam.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menasihati mana-mana individu belum divaksin, supaya segera berbuat demikian bagi menikmati kelonggaran diumumkan seperti merentas

negeri, melancong dalam dan luar negara serta *dine-in*.

Katanya, di sebalik semua kelonggaran yang telah diumumkan, hakikatnya semua rakyat terpaksa hidup bersama virus Covid-19 dan situasi itu bukan sahaja menuntut rakyat untuk terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP), malah penting untuk meningkatkan penilaian sendiri demi melindungi Keluarga Malaysia.